

Keberkesanan Pintas Jawi dalam membantu Murid Pemulihan Tahun Dua mengenali Huruf Jawi

The Effectiveness of 'Pintas Jawi' in Assisting The Year Two Students in Recognising Jawi Letters

Razilah Mohd Ramli¹, Azhar Wahid², Husna Husin³

^{1, 2}Institut Peradaban Melayu, ³Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

¹razilahramli25@gmail.com, ²azhar@fbk.upsi.edu.my, ³husna.ars@gmail.com

Published: 26 June 2023

To cite this article (APA): Mohd Ramli, R., Wahid, A., & Husin, H. (2023). Keberkesanan Pintas Jawi dalam membantu Murid Pemulihan Tahun Dua mengenali Huruf Jawi: Keberkesanan 'Pintas Jawi' Dalam Membantu Murid Tahun Dua Mengenali Huruf Jawi. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(1), 47–53. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.1.5.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.1.5.2023>

ABSTRAK

Tulisan Jawi merupakan satu lambang kepada ketamadunan Melayu sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tulisan Jawi tidak asing bagi masyarakat Melayu kerana ia mempunyai identiti dan menjadi alat perantaraan surat ketika itu. Tulisan ini diambil daripada tulisan Arab dan ditambah dengan enam huruf Jawi bagi memudahkan bacaan. Namun begitu, sejak kebelakangan ini tulisan Jawi seakan dipinggirkan oleh masyarakat Melayu atas faktor pengenalan huruf rumi. Pada masa kini, ramai murid tidak mahir membaca mahupun menulis dalam tulisan Jawi. Disebabkan perkara tersebut, kajian ini dijalankan dalam kalangan murid pemulihan yang bersekolah di sebuah sekolah di kawasan Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. Seramai 20 orang murid dari tahun dua diambil sebagai responden. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keupayaan bacaan dan penulisan Jawi dalam kalangan murid pemulihan tahun dua dan mengaplikasikan satu kaedah untuk mengatasi kelemahan murid dalam menguasai bacaan dan tulisan Jawi iaitu dengan menggunakan kaedah pintas Jawi. Pintas Jawi digunakan untuk murid menyebut huruf Jawi tunggal, huruf Jawi yang sama bentuk tetapi berlainan sebutan, membentuk huruf-huruf Jawi dari doh sekiranya mereka tidak menguasai bacaan dan tulisan, maka mereka boleh menggunakan doh seterusnya murid akan ingat huruf dan dapat menulisnya dengan baik. Pengkaji menggunakan teori kognitif dalam kajian ini. Kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Science Version 20* (SPSS 20). Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang melibatkan observasi dan analisis data kajian. Kajian ini diharap dapat memberi impak yang positif kepada semua pihak terutamanya kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam menangani masalah penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah.

Kata Kunci: Pintas Jawi, Tulisan Jawi, Teori Kognitif

ABSTRACT

Jawi writing has been a symbol of the Malay civilization since the time of the Malay Sultanate of Malacca. Jawi writing is familiar to the Malay society because it has an identity and serves as a means of communication in written form back then. This writing is derived from Arabic script and supplemented with six additional Jawi letters to facilitate reading. However, lately, Jawi writing seems to be marginalised by the Malay community due to the introduction of Roman letters. Nowadays, many students are not proficient in reading or writing in Jawi. Due to this, a study was conducted among remedial students attending a school in Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. Twenty students from year two were selected as respondents for this study. The objective of this study is to implement a method

to overcome students' weaknesses in mastering reading and writing Jawi, namely by using the 'Pintas Jawi' method. 'Pintas Jawi' will be used to form Jawi letters, and then students will remember the letters and be able to write them properly. The researcher used cognitive theory in this study. This study was analysed using Statistical Package for Science Version 20 (SPSS 20) software. This is quantitative involving observation and analysis of research data. It is hoped that this study will have a positive on all parties, especially the Malaysian Ministry of Education (MOE), in addressing the problem of mastering Jawi writing among primary school students.

Keywords: *'Pintas Jawi', Jawi writing, cognitive theory*

PENDAHULUAN

Tulisan Jawi telah digunakan oleh orang Melayu sejak abad ke-17 dan tulisan ini diiktiraf sebagai satu tulisan utama dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu lama serta terus bertahan sehingga Perang Dunia Kedua. Tulisan Jawi diguna pakai oleh orang Melayu dalam pelbagai bidang dan penulisan sama ada rasmi mahupun tidak rasmi (Amat Juhari Moin, 1992; 1996). Perkara ini dapat dilihat dari segi seni khat yang menghiasi dinding-dinding masjid, mihrab, batu nisan dan sebagainya. Tulisan Jawi telah digunakan sejak dahulu kala di Nusantara dengan bukti penemuan batu bersurat di Sungai Tersat, Kuala Berang, Hulu Terengganu dan batu hidup di Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan. Batu nisan juga ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi terutamanya di kawasan-kawasan kerajaan Islam pada masa dahulu bahkan tulisan Jawi ini terdapat pada mata wang kerajaan terdahulu. Surat-surat perjanjian rasmi dan tataurus kerajaan juga ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi. Tulisan Jawi berasal daripada huruf Arab dan diintegrasikan untuk menjadi lebih sesuai dengan lidah orang Melayu dan juga untuk memudahkan pembelajaran dan pengajaran ditambah dengan enam huruf Jawi. Huruf tersebut ialah, huruf Ga (گ), diambil daripada bunyi Kaf (ك) dan Jim (ج) juga Cha (چ), yang berasal dari bunyi huruf Ta (ت) dan Jim (ج), yang dicipta oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas pada tahun 1990.

PERNYATAAN MASALAH

Murid yang bermasalah dalam pelajaran atau lebih dikenali dengan murid pemulihan tidak tertarik untuk belajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka tidak memahami apa-apa yang diajar oleh guru-guru di dalam kelas. Perkara ini menjadi lebih sukar apabila mereka tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap sesi pembelajaran. Impaknya, mereka akan ketinggalan dalam pembelajaran. Disebabkan itu, murid-murid ini dimasukkan ke dalam kelas pemulihan dengan tujuan mereka yang ketinggalan dalam mata pelajaran Jawi ini sekurang-kurangnya dapat menguasai elemen 3M iaitu mengenal, menyebut, menulis huruf Jawi meskipun, memakan tempoh masa yang agak lama. Kemahiran membaca merupakan bahagian yang sangat mustahak dalam menguasai pelajaran Jawi. Secara tidak langsung, kegagalan dan kesukaran mereka membaca dan menulis dalam tulisan Jawi dengan bagus menyebabkan mereka gagal dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Disebabkan itu, mereka tidak boleh menumpukan perhatian sepenuhnya dalam kelas pemulihan Jawi. Oleh yang demikian, guru perlu memvariasikan kaedah pengajaran, menggunakan kaedah yang mudah serta bersesuaian dengan masa yang diberikan dan bersesuaian dengan perkembangan minda murid-murid.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa, terdapat murid-murid yang tidak dapat menguasai mata pelajaran Jawi. Antara masalah yang dikenalpasti ialah mereka tidak mengenali huruf-huruf Jawi, tidak boleh menyambung huruf, tidak dapat membaca suku kata terbuka dan tertutup, tidak dapat membaca perkataan yang bersambung dan perkataan yang mengandungi lebih daripada dua suku kata dan keliru dengan enam huruf Jawi iaitu huruf Nya (ڠ), Cha (چ), Ga (گ), Pa (پ), Va (ڤ) dan Nga (ڠ). Ramai murid yang tidak menguasai bacaan Jawi dan tidak boleh menulis Jawi juga dapat dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Sarin Talib (1995) iaitu 75% guru menyatakan separuh daripada murid tidak boleh membaca buku teks pendidikan Islam yang ditulis dalam tulisan Jawi.

Murid pemulihan mempunyai banyak kelemahan dari segi penulisan iaitu tulisan yang sangat buruk dan tidak boleh dibaca hingga mereka sendiri tidak tahu apa yang telah mereka tulis. Apabila menulis huruf

tunggal, ada huruf yang bentuknya sama. Contohnya huruf Dal (ڊ) ditulis seperti huruf Ra [ro] (ر) dan ini amat mengelirukan murid. Guru perlu mainkan peranan dengan cara memegang tangan murid dan ajar cara menulis yang betul sambil menyebut huruf tersebut. Ada juga antara mereka menulis secara terbalik seperti disleksia. Contohnya Abu (ابو) ditulis dengan Alif Ba Wau (ا) (ب) (و). Tulisan mereka juga tiada ketetapan sekejap huruf ditulis dengan bentuk huruf yang besar dan ada huruf yang berbentuk kecil. Seolah-olahnya mereka menulis seperti tulisan rumi dalam Bahasa Melayu.

Selain itu, mereka juga tidak boleh fokus dengan cara menulis yang betul iaitu, mereka akan menulis bukan di atas garisan yang ditetapkan. Oleh kerana itu, buku garis tiga digunakan agar mereka dapat menulis dengan cara yang betul. Mereka juga sukar membezakan sebutan huruf yang bentuknya sama tetapi yang membezakannya adalah titik. Contohnya, huruf Ain (ع), Ghain (غ), Ga (ك) dan Kaf (ك) begitu juga dengan huruf-huruf yang lain. Mereka juga tidak dapat membezakan sebutan yang hampir sama bunyi, contohnya Za (ز) dan Zal [dzh] (ذ) antara Sa [Tha] (ث), Sad (ص) dan Sin (س) kerana mereka masih terikat dengan cara sebutan bacaan Iqra'. Guru perlu peka dengan sebutan ini dan perlu segera dibetulkan sebutannya secara berulang kali. Untuk melihat perkembangan murid, satu rekod prestasi perlu disediakan dan diisi oleh guru untuk mencatat kemajuan mereka. Paling sesuai adalah setelah proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan untuk melihat keberkesanan Pintas Jawi.

Sehubungan itu, pengkaji ingin mengenal pasti keberkesanan penggunaan kaedah Pintas Jawi sewaktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas. Kaedah Pintas Jawi melibatkan dua buah buku iaitu buku tentang huruf Jawi dan buku tulisan Jawi gunakan buku garis tiga iaitu buku garis yang berwarna merah dan biru.

Untuk kajian ini, pengkaji memilih teori kognitif Jean Piaget iaitu kajian mengenai pemprosesan maklumat seperti perhatian, pembelajaran, ingatan, pemprosesan bahasa, dan penyelesaian masalah. Kajian ini melibatkan sebahagian besar aktiviti harian murid contohnya aktiviti seperti pengamatan, pengecaman, ingatan, pemprosesan bahasa, pembentukan konsep, dan penyelesaian masalah sewaktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan, teori kognitif adalah yang paling penting kerana ia boleh mengubah tingkah laku dan meningkatkan ingatan. Secara tidak langsung, murid mempunyai keupayaan untuk menyimpan dan mengeluarkan semula semua maklumat yang mereka pelajari, serta untuk menyelesaikan masalah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan kaedah Pintas Jawi dalam membantu murid pemulihan Tahun Dua mengenali huruf Jawi. Pertama, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keupayaan semasa murid dalam bacaan dan penulisan Jawi. Melalui penilaian ini, kita dapat memahami sejauh mana kemampuan asas mereka dalam menguasai huruf Jawi. Kedua, kajian ini ingin mengaplikasikan kaedah Pintas Jawi untuk membantu murid pemulihan meningkatkan kemahiran mereka dalam mengenali dan menulis huruf Jawi dengan betul. Dengan menggunakan kaedah Pintas Jawi, kajian ini berharap dapat melihat peningkatan ketara dalam keupayaan murid, yang mana mereka dapat mengenali dan menulis huruf Jawi dengan lebih cekap dan tepat.

Kajian ini penting kerana ia berpotensi menyediakan pendekatan yang efektif dalam pengajaran Jawi kepada murid pemulihan Tahun Dua. Dengan mengenal pasti dan memperbaiki kelemahan dalam bacaan dan penulisan Jawi, murid-murid ini dapat meningkatkan kecekapan literasi mereka. Selain itu, keberkesanan kaedah Pintas Jawi dapat dijadikan rujukan untuk guru-guru dalam merancang dan melaksanakan strategi pengajaran yang lebih berkesan. Hal ini akan menyumbang kepada peningkatan keseluruhan dalam sistem pendidikan Jawi, sekaligus memastikan murid-murid mendapat asas yang kukuh dalam bacaan dan penulisan Jawi pada peringkat awal pendidikan mereka.

SOROTAN LITERATUR

Masalah ketidakcekapan tulisan Jawi dalam kalangan murid di sekolah rendah mahupun menengah menjadi satu isu yang sentiasa diperkatakan oleh semua tenaga pengajar serta masyarakat. Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Muhammad Endut (1992), apabila pelajar tidak memiliki kemahiran membaca dan menulis Jawi, maka mereka akan banyak ketinggalan dalam pelajaran Pendidikan Islam. Apabila bahan bantuan mengajar yang dimanfaatkan oleh guru ditulis dalam tulisan Jawi untuk menguasai setiap kemahiran mengenali huruf, maka setiap murid perlu mengenali setiap huruf tunggal Jawi. Pelajar yang tidak mengenali huruf tunggal Jawi akan mengalami kesukaran dalam menguasai pembelajaran berbanding rakan-rakan. Jika murid tidak menguasai huruf Jawi tunggal, murid akan semakin sukar untuk mengingat kembali perkara yang telah diajar oleh guru dan mereka akan keliru dengan bunyi serta karakter huruf yang hampir sama sebutan dan bentuknya.

Menurut Ab Halim Tamuri et.al (2004), terdapat berbagai cara serta pelan bimbingan yang boleh disampaikan oleh pakar bidang pendidikan agar dapat menjadi ikutan dan contoh kepada para guru. Kaedah pengajaran juga boleh dibahagikan kepada beberapa cabang kaedah iaitu memerhati, membaca dan menulis. Sekurang-kurangnya mereka boleh mengeja, mengenali, menyebut dan menulis huruf tunggal Jawi, suku kata terbuka serta membina perkataan mudah dari dua suku kata terbuka. Murid yang lemah ini, perlu diberi perhatian yang lebih dan guru perlu mengubah suai teknik pengajaran dan pembelajaran yang bertepatan untuk menarik perhatian mereka dalam pembelajaran. Pelbagai teknik dan kaedah boleh dipraktikkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan mengikut kesesuaian masa yang dicadangkan serta hal ini juga berdasarkan kepada tahap penguasaan Jawi sedia ada murid.

Pada tahun 2003, apabila Program j-QAF diperkenalkan, kelas pemulihan Jawi telah diadakan bagi mengatasi masalah murid yang tidak boleh membaca Jawi. Mata pelajaran Jawi adalah satu bahagian penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam melalui pendekatan pengajaran sebanyak dua kali seminggu pada enam bulan pertama bagi Tahap Satu. Kelas pemulihan khas perlu dijalankan bersama-sama mengikut jadual waktu persekolahan yang telah ditetapkan bagi memudahkan guru mengajar manakala murid mudah untuk mengikuti pembelajaran berdasarkan kepada kemahiran asas dalam usaha untuk mengenali, mengeja dan menulis huruf Jawi. Murid yang ketinggalan ini akan menguasai sekurang-kurangnya kemahiran mengenal, membezakan, mengeja, menyebut dan menulis huruf tunggal Jawi, suku kata terbuka serta perkataan yang dibina apabila dicantumkan dua suku kata terbuka.

Esah Sulaiman (2003) menyatakan bahawa guru perlu bertanggungjawab dalam mengenal pasti murid yang lemah dan memerlukan bimbingan dan dorongan khas melalui beberapa cara iaitu, memberi perhatian sepenuhnya kepada pembelajaran murid dan menemu bual murid berkenaan tentang masalah yang mereka hadapi. Seterusnya, guru boleh menganalisis kerja bertulis murid dan mengadakan ujian agar dapat membezakan pencapaian murid yang lemah, sederhana dan cerdas.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan data dan informasi mengenai perkara yang diambil daripada sampel kajian dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi merupakan satu komuniti atau kelompok individu yang boleh menarik minat pengkaji serta mempunyai karakter atau sifat yang selaras, di mana hasil daripada dapatan kajian membolehkan penyamarataan dibuat (Gay & Airasian, 2003). Sampel pula ialah jumlah individu atau elemen daripada populasi yang diperuntukkan dalam sesuatu penelitian yang merupakan asas bagi membuat anggaran. Mengikut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), sekiranya jumlah pelajar tidak mencapai bilangan yang memuaskan maka pengkaji boleh menggunakan kesemua populasi sebagai sampel kajian. Populasi

membawa maksud kepada satu set karakter yang memaparkan pencerapan atau sukatan yang tertentu ke atas sesuatu objek ataupun sekelompok individu (Mohd. Majid Konting, 2004).

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu alat untuk memperoleh data dari sampel kajian. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), instrumen kajian juga menentukan kualiti data yang diperoleh dan perkara ini bertindak atas jenis analisis penyelidik bahkan pengkaji juga boleh menggunakan alat kajian yang telah dicipta oleh pengkaji yang lain atau membina instrumen kajian itu dengan sendiri. Instrumen kajian yang diguna pakai oleh pengkaji dalam kajian ini ialah borang soal selidik.

Pengumpulan Data

a) Soal Selidik

Pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik dalam pengumpulan data. Menurut Mohd Najib Konting (1994), soal selidik itu merupakan satu instrumen yang dipraktikkan dalam penyelidikan terutamanya dalam bidang pendidikan untuk mendapatkan segala informasi berkaitan dengan kajian. Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999) menyatakan, seorang pengkaji boleh menggunakan alat kajian yang telah dibina oleh pengkaji lain atau membina instrumen kajian sendiri. Set soal selidik diambil daripada kajian-kajian lepas digubah bersesuaian untuk mendapatkan data bagi menjawab persoalan kajian dalam kajian ini.

Instrumen soal selidik digunakan oleh pengkaji sebagai satu kaedah untuk mengumpul maklumat. Murid diberikan beberapa soalan dan mereka perlu menjawab setiap soalan yang terdapat di dalam soal selidik tersebut. Mereka menjawab soal selidik dengan bimbingan guru agar mereka tahu dan faham akan kehendak soalan. Justeru itu, guru membacakan setiap soalan dan murid menandakan jawapan yang bersesuaian dengan kehendak soalan.

Penganalisan data

Data kuantitatif dikumpul melalui instrumen kajian dan dianalisis dengan mencari kekerapan dan peratusan menggunakan *Statistic Package for Social Science 20* (SPSS 20).

DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan dapatan analisis kajian melalui penilaian yang dilakukan berdasarkan empat item iaitu boleh mengenali huruf Jawi tunggal, boleh menyebut huruf Jawi tunggal, boleh mengenali dan menyebut huruf Jawi tunggal yang sama bentuk tetapi berlainan sebutan dengan betul dan boleh menulis huruf Jawi tunggal di atas garisan yang betul. Seramai 20 orang responden daripada murid tahun dua terlibat dalam kajian ini iaitu 12 orang (60%) murid lelaki dan 8 orang (40%) murid perempuan.

Jadual 1: Tahap Keupayaan Bacaan Murid Selepas Belajar Pintas Jawi

Bil	Item	Lemah	Sederhana	Baik
1	Boleh mengenali huruf Jawi tunggal	3 (15%)	17 (85%)	0
2	Boleh menyebut huruf Jawi tunggal	3 (15%)	17 (85%)	0

3	Boleh mengenali dan menyebut huruf Jawi tunggal yang sama bentuk tetapi berlainan sebutan	8 (40%)	12 (60%)	0
4	Boleh menulis huruf Jawi tunggal di atas garisan yang betul	0	20 (100%)	0

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian menunjukkan seramai tiga orang murid (15%) tidak mengenali huruf Jawi dan berada di tahap lemah manakala 17 orang murid (85%) dapat mengenali huruf Jawi tunggal tetapi masih berada di tahap sederhana. Disebabkan hal demikian, guru-guru perlu memainkan peranan yang utama untuk memberi inspirasi kepada murid mempelajari tulisan Jawi dengan menggunakan pelbagai strategi sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Hasil dapatan mendapati mendapati terdapat tiga orang murid (15%) yang tidak dapat menyebut huruf Jawi tunggal dengan betul manakala, seramai 17 orang murid (85%) dapat menyebut huruf Jawi tunggal dengan betul tetapi berada di tahap sederhana. Taburan data sama dengan item nombor satu iaitu boleh mengenali huruf Jawi. Dapatan kajian mendapati murid yang mengenali huruf Jawi dapat menyebut huruf-huruf Jawi dengan betul.

Dalam item yang ketiga, murid boleh membaca mengenali dan menyebut huruf Jawi tunggal yang sama bentuk tetapi berlainan sebutan dengan betul dan didapati seramai lapan orang murid (40%) masih berada di tahap lemah dan tidak dapat menyebut huruf Jawi tunggal yang sama bentuk dengan betul. Hanya 12 orang murid (60%) yang dapat menyebut dan membezakan huruf Jawi yang sama bentuk tetapi berlainan sebutan.

Untuk item yang keempat, semua murid (100%) boleh menulis huruf Jawi tunggal di atas garisan dengan betul. Penulisan huruf sangat penting kerana sambil menulis mereka boleh mengingat huruf yang ditulis. Murid-murid pemulihan ini perlu diberi latihan secara latih tubi sama ada secara lisan atau penulisan.

Menurut Piaget, minda memainkan peranan penting dalam aspek perkembangan individu dan setiap murid mempunyai perkembangan tersendiri mengikut peringkat kebolehan dan kemampuan perkembangan kognitif mereka. Perkembangan kognitif itu berlaku secara berperingkat dan tahap yang lebih awal adalah penting bagi perkembangan minda seseorang murid. Perkara ini bermakna kemahiran yang melibatkan tulisan Jawi seperti membaca dan menulis serta kebolehan menggunakan maklumat itu perlu dipertingkatkan. Teori kognitif telah diterapkan oleh pengkaji dalam kaedah pengajaran Jawi kepada murid Tahun Dua dan murid dapat membaca tulisan Jawi dengan cara ansur maju dan ditambah pengukuhan serta latihan yang berterusan.

Pengkaji mendapati bahawa kaedah Pintas Jawi ini sedikit sebanyak membantu anak-anak murid agar dapat membaca dan menulis tulisan Jawi dengan baik berbanding sebelum ini. Bahkan perkembangan mereka semakin memberangsangkan dengan berpandukan panduan yang diberi. Semua pihak termasuk ibu bapa, guru dan pentadbiran sekolah memainkan peranan yang begitu penting dalam memastikan masalah murid dalam membaca tulisan Jawi dapat diatasi dengan cara memberi galakan dan bimbingan yang berterusan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Guru perlu mempunyai kemahiran dalam mengajar dan membimbing murid-murid membaca tulisan Jawi kerana masa pengajaran yang diperuntukkan sangat terhad. Bahkan ibu bapa juga perlu turut memainkan peranan dalam usaha memberi ilmu ini kepada anak-anak dengan cara memberikan galakan, menghidupkan budaya membaca buku yang mengandungi tulisan Jawi ketika di rumah dan tidak hanya belajar berorientasikan kepada peperiksaan sahaja. Kelemahan ini perlu diatasi segera oleh setiap pihak untuk

membendung masalah pelajar tidak dapat membaca tulisan Jawi. Oleh sebab itu, mereka perlu dibantu agar masalah ini tidak akan terbawa sehingga mereka dewasa kelak.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah memberikan gambaran yang jelas mengenai keberkesanan penggunaan Pintas Jawi dalam membantu murid pemulihan yang terdiri daripada murid Tahun Dua untuk mengenali huruf-huruf Jawi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini memiliki potensi yang besar untuk meningkatkan pemahaman dan kecekapan murid dalam menulis dan membaca tulisan Jawi. Walau bagaimanapun, demi memastikan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang optimum, adalah penting untuk terus mengambil kira faktor-faktor dan keperluan individu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran pembelajaran yang menyokong, sokongan yang berterusan daripada guru-guru dan ibu bapa, serta penyediaan bahan pembelajaran dan sumber yang bersesuaian merupakan faktor-faktor penting yang patut dititikberatkan oleh tenaga pengajar.

Dengan mengambil langkah-langkah yang produktif dan proaktif, diharapkan penggunaan kaedah Pintas Jawi ini dapat diperkukuhkan sebagai satu kaedah yang berkesan dalam menyokong pembelajaran anak-anak murid pemulihan tahun dua dalam mengenali tulisan Jawi. Kajian lanjutan juga perlu dijalankan untuk menyelidik lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan kaedah ini serta potensi penggunaannya dalam konteks pembelajaran yang lebih meluas. Dengan demikian, sumbangan kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat yang berkekalan kepada komuniti pendidikan.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abd Razak. (2004). *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Projek Penyelidikan GG02/4*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1992). Sejarah Tulisan Jawi. *Jurnal Bahasa*, 35(11), 101-1012.
- Amat Juhari Moin. (1996). *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Esah Sulaiman. (2003). *Amalan profesionalisme perguruan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Gay, L., & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application* (7th ed.). Pearson International Edition.
- Muhammad Endut. (1992). *Pendidikan Islam KBSM: Satu kajian tentang masalah pengajaran di sekolah-sekolah di negeri Johor Darul Takzim*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib, A. G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sarin Talib. (1995). *Persepsi Guru Pendidikan Islam di Negeri Selangor Terhadap Mutu Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 1 (KBSM)*. Disertasi M.Ed., Universiti Malaya.